

Dasar pengurusan hutan S'wak satu kebanggaan: Awang Tengah

Posted on March 24, 2012, Saturday

MIRI: Dasar pengurusan hutan yang dirancang oleh kerajaan negeri merupakan satu kebanggaan walaupun mendapat pelbagai kritikan daripada pihak luar yang kerap memandang negatif dasar yang dilaksanakan. Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Kedua Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, dasar penggunaan tanah yang dilaksanakan adalah jelas dan berjaya mengekalkan keluasan hutan yang luas iaitu 80 peratus daripada keluasan Sarawak.

Menurut beliau, pengurusan hutan yang lestari juga berjaya menjadikan Sarawak sebagai 'hotspot' biodiversiti utama dunia dan mendapat pengiktirafan daripada badan-badan pengurusan hutan di peringkat antarabangsa. Antaranya, menggazetkan kawasan hutan yang luas sebagai kawasan terlindung dan taman negara yang tidak membenarkan kerja-kerja pemusnahan hidupan flora dan fauna, jelasnya.

Awang Tengah berkata, kerajaan turut menstruktur semula peranan Sarawak Forestry Corporation (SFC) dalam aspek pemuliharaan dan penguatkuasaan untuk melindungi kawasan hutan dan hidupan liar dari musnah. Usaha lain, katanya, ialah pemuliharaan kawasan hutan paya bakau di kawasan pesisir pantai yang dapat mengelak kejadian hakisan dan perlindungan untuk hidupan laut.

"Sarawak telah menjadi model kepada negara-negara lain dan ini merupakan satu kebanggaan walaupun mendapat kritikan hebat daripada NGO dan negara luar seperti Eropah. Kita berbangga kerana kita dapat mengamalkan pengurusan hutan yang baik sehingga dapat mengekalkan keluasan sebanyak 80 peratus dari keluasan negeri ini.

"Sedangkan mereka (pengkritik) tidak sampai 10 peratus kawasan negara mereka diliputi hutan kerana diterokai, dimusnah dan dibangunkan untuk perladangan dan pertanian," jelasnya.

Berucap menyempurnakan majlis pelantikan rasmi seramai 45 Renjer Hidupan Liar Kehormat untuk Miri dan Marudi di sini petang semalam, Awang Tengah memberitahu, Sarawak merupakan negeri pertama melaksanakan perundangan untuk penanaman semula pokok di kawasan seluas sejuta hektar menjelang 2020. Usaha berkenaan, katanya, membolehkan Sarawak dibekalkan material mentah berjumlah 15 hingga 20 juta kubik meter yang dapat mengelak kebergantungan kepada sumber hutan asli.

Kerajaan turut mengagih enam juta hektar sebagai estet hutan dan seluas satu juta hektar sebagai kawasan hutan terlindung, jelasnya. "Disebabkan perancangan yang teliti, kita tidak mengalami musibah alam yang dahsyat seperti yang berlaku di Thailand dan Filipina yang mengalami banjir yang dahsyat.

"Jadi mereka ini (pengkritik) cuma membuat kritikan yang tidak berasas kepada realiti sebenar. Tugas kita memulihara kerana hutan merupakan aset khazanah untuk kita hari ini dan generasi akan datang," tambahnya. Mengulas tentang penyertaan aktif

penduduk sebagai Renjer Hidupan Liar, Awang Tengah berkata, ia menggambarkan keprihatinan dan sokongan rakyat negeri ini terhadap usaha pemuliharaan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan.

Sehubungan itu, semangat sukarelawan rakyat untuk melindungi dan memulihara hutan amat amat diperlukan oleh kerajaan untuk memastikan hutan diiktiraf sebagai khazanah berharga. Dalam pada itu, Pengarah Hutan Sarawak, Ali Yusop memberitahu, sehingga penghujung tahun lalu, seramai 613 orang Renjer Hidupan Liar Kehormat yang aktif termasuk 52 orang dari Daerah Lawas.

Pelantikan renjer di sini akan membantu menjaga dan memulihara kawasan hutan terlindung seperti Taman Negara Lambir, Niah, Loagan Bunut dan Mulu. Hadir sama ialah Menteri Muda Alam Sekitar Datu Len Talif Salleh, Menteri Muda Sukan Datuk Lee Kim Shin, Ahli Parlimen Sibuti Ahmad Lai Bujang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telang Usan Dennis Ngau dan ADUN Lambir Ripin Lamat. MIRI: Dasar pengurusan hutan yang dirancang oleh kerajaan negeri merupakan satu kebanggaan walaupun mendapat pelbagai kritikan daripada pihak luar yang kerap memandang negatif dasar yang dilaksanakan.

Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar Kedua Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata, dasar penggunaan tanah yang dilaksanakan adalah jelas dan berjaya mengekalkan keluasan hutan yang luas iaitu 80 peratus daripada keluasan Sarawak.

Menurut beliau, pengurusan hutan yang lestari juga berjaya menjadikan Sarawak sebagai 'hotspot' biodiversiti utama dunia dan mendapat pengiktirafan daripada badan-badan pengurusan hutan di peringkat antarabangsa. Antaranya, menggazetkan kawasan hutan yang luas sebagai kawasan terlindung dan taman negara yang tidak membenarkan kerja-kerja pemusnahan hidupan flora dan fauna, jelasnya.

Awang Tengah berkata, kerajaan turut menstruktur semula peranan Sarawak Forestry Corporation (SFC) dalam aspek pemuliharaan dan penguatkuasaan untuk melindungi kawasan hutan dan hidupan liar dari musnah. Usaha lain, katanya, ialah pemuliharaan kawasan hutan paya bakau di kawasan pesisir pantai yang dapat mengelak kejadian hakisan dan perlindungan untuk hidupan laut.

"Sarawak telah menjadi model kepada negara-negara lain dan ini merupakan satu kebanggaan walaupun mendapat kritikan hebat daripada NGO dan negara luar seperti Eropah. Kita berbangga kerana kita dapat mengamalkan pengurusan hutan yang baik sehingga dapat mengekalkan keluasan sebanyak 80 peratus dari keluasan negeri ini.

"Sedangkan mereka (pengkritik) tidak sampai 10 peratus kawasan negara mereka diliputi hutan kerana diterokai, dimusnah dan dibangunkan untuk perladangan dan pertanian," jelasnya.

Berucap menyempurnakan majlis pelantikan rasmi seramai 45 Renjer Hidupan Liar Kehormat untuk Miri dan Marudi di sini petang semalam, Awang Tengah memberitahu,

Sarawak merupakan negeri pertama melaksanakan perundangan untuk penanaman semula pokok di kawasan seluas sejuta hektar menjelang 2020.

Usaha berkenaan, katanya, membolehkan Sarawak dibekalkan material mentah berjumlah 15 hingga 20 juta kubik meter yang dapat mengelak kebergantungan kepada sumber hutan asli. Kerajaan turut mengagih enam juta hektar sebagai estet hutan dan seluas satu juta hektar sebagai kawasan hutan terlindung, jelasnya.

“Disebabkan perancangan yang teliti, kita tidak mengalami musibah alam yang dahsyat seperti yang berlaku di Thailand dan Filipina yang mengalami banjir yang dahsyat. “Jadi mereka ini (pengkritik) cuma membuat kritikan yang tidak berasas kepada realiti sebenar. Tugas kita memulihara kerana hutan merupakan aset khazanah untuk kita hari ini dan generasi akan datang,” tambahnya. Mengulas tentang penyertaan aktif penduduk sebagai Renjer Hidupan Liar, Awang Tengah berkata, ia menggambarkan keprihatinan dan sokongan rakyat negeri ini terhadap usaha pemuliharaan yang dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan.

Sehubungan itu, semangat sukarelawan rakyat untuk melindungi dan memulihara hutan amat amat diperlukan oleh kerajaan untuk memastikan hutan diiktiraf sebagai khazanah berharga. Dalam pada itu, Pengarah Hutan Sarawak, Ali Yusop memberitahu, sehingga penghujung tahun lalu, seramai 613 orang Renjer Hidupan Liar Kehormat yang aktif termasuk 52 orang dari Daerah Lawas. Pelantikan renjer di sini akan membantu menjaga dan memulihara kawasan hutan terlindung seperti Taman Negara Lambir, Niah, Loagan Bunut dan Mulu.

Hadir sama ialah Menteri Muda Alam Sekitar Datu Len Talif Salleh, Menteri Muda Sukan Datuk Lee Kim Shin, Ahli Parlimen Sibuti Ahmad Lai Bujang, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telang Usan Dennis Ngau dan ADUN Lambir Ripin Lamat.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2012/03/24/>